

06/04/2002

Noor, ibu hadir konsert Anita

Hanisah Selamat

ESOK Anita Sarawak akan menggegarkan Bukit Jalil. Kepada peminat superstar ini yang masih belum membeli tiket, segeralah berbuat demikian kerana hari Ahad anda tidak akan lengkap jika tidak menyaksikan persembahannya yang pastinya menjanjikan satu kelainan dan banyak kejutan itu.

Berapa ramaikah penyanyi atau penghibur kita yang masih mampu beraksi ligat di pentas walaupun usianya sudah mencecah 50 tahun? Tentunya kita tidak mahu melepaskan peluang ini apatah lagi suaminya, Mohd Mahathir Abdullah, akan turut membuat persembahan pembukaan.

"Kami tak sabar menantikan malam esok. Selain persembahan Abang Mahathir, banyak lagi kejutan lain. Syukur segala persediaan berjalan lancar termasuk kostum rekaan sahabat lama saya di Singapura, Haron," katanya sambil tersenyum ketika ditemui Persada Seni baru-baru ini.

Anita juga gembira kerana pada malam itu nanti 11 ahli keluarganya di Kuala Lumpur termasuk ibu tirinya, Datin Umi Kalsom dan adiknya, Noorkumalasari akan datang menyaksikan persembahannya di stadium.

Konsert selama dua jam yang bermula pada 8.45 malam itu akan diwarnai dengan 27 lagu hit Anita sepanjang menjadi artis rakaman sejak usia 17 tahun selain diserikan 11 penari dan empat penyanyi latar.

Untuk menjadikan menarik, persembahan itu akan dibahagikan kepada beberapa segmen. Pembukaannya berkonsepkan misteri, diikuti dengan zaman awal Anita bergelar penghibur. Kemudian mood persembahan ditukar kepada komedi, joget dan akhir sekali rancak bertenaga.

Senyuman memang jelas tidak pernah lekang dari bibirnya. Dari topik persiapan perbualan yang santai beralih pada impiannya selepas meninggalkan pentas persembahan sekali gus membayangkan ketelitian penghibur profesional itu.

"Takkan selamanya saya berdiri di pentas persembahan. Saya bukan meninggalkan dunia muzik tetapi berehat daripada persembahan. Sekarang ini pun, saya tidak lagi menyanyi di Caesars Palace... biarlah ia dikurangkan secara beransur-ansur.

"Cuma buat masa ini selagi terdaya, saya akan terus menghibur. Kita tak tahu apa yang akan berlaku pada masa depan... namun kami sudah merencanakan beberapa perkara selepas saya bersara nanti," katanya yang ditemani Mahathir.

Katanya, antara matlamat yang dirancangkan bersama suami yang juga pengurusnya adalah hasrat menerbitkan sebuah filem selain menghasilkan sekurang-kurangnya sebuah album baru yang memuatkan lagu Melayu khusus untuk peminat di sini.

"Sebenarnya kami sedang menyiapkan bahan untuk filem ini. Yang pasti ia bukan berkaitan diri saya sebagai artis. Kisah hidup saya pula hanya akan dikeluarkan dalam bentuk bibliografi, insyaAllah," katanya.

Dalam rancak berbual, selebriti yang baru menyambut ulang tahun ke-50 itu masih sempat mengusik suaminya. Seseekali gurauan mereka memecah keheningan malah Mahathir turut menjanjikan persembahan pembukaan yang istimewa malam esok.

Perbualan beliau turut berkisar pada hubungannya dengan keluarga Mahathir terutama anaknya, Mathew, 16 yang turut meraikan hari jadi Anita di Singapura, dua minggu lalu. Anita sendiri pernah bertemu bekas isteri suaminya ketika Krismas.

"Hubungan kami kini sudah seperti kawan baik. Mungkin sikap saya yang periang dan mudah mesra membolehkan saya senang didekati. Bagi saya tak

kira siapa, kita patut merendah diri. Malah saya tak anggap diri saya artis terkenal.

"Saya masih seperti orang lain makan di warung, masak atau beli barangan di Geylang. Dan disebabkan kesederhanaan juga saya tak pernah risau walaupun ia dikatakan memudarkan populariti. Didikan ibu membuatkan kami adik-beradik lebih berdisiplin dan merendah diri," katanya.

(END)